

SCANNED
AVAILABLE ONLINE

PERPUSTAKAAN KUI TTHO
3 0000 00119505 0

70333



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

**KOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI TUN HUSSEIN ONN
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA**

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS ♦

JUDUL : PERSEPSI PENSYARAH KEJURUTERAAN TERHADAP KEBERKESANAN PROGRAM
PENDIDIKAN TEKNIK DAN VOKASIONAL BAGI MEMENUHI KEPERLUAN PASARAN
BURUH : PERBANDINGAN DI INSTITUSI AWAM DAN SWASTA

SESI PENGAJIAN : 2000 / 2001

Saya KHAIRUL ANUAR BIN ABDUL MANAP (760130 - 08 - 5981)
(HURUF BESAR)

mengaku membenarkan tesis (PSM/Sarjana/Doktor Falsafah) ini disimpan di **Perpustakaan Institut Teknologi Tun Hussein Onn, Universiti Teknologi Malaysia** dengan syarat-syarat seperti berikut :

1. Tesis adalah hakmilik Institut Teknologi Tun Hussein Onn, Universiti Teknologi Malaysia.
2. Perpustakaan Institut Teknologi Tun Hussein Onn, Universiti Teknologi Malaysia dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran di antara institusi pengajian tinggi.
4. ** Sila tandakan (✓)

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)


TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh Organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD

Disahkan oleh:


(TANDATANGAN PENULIS)


(TANDATANGAN PENYELIA)

Alamat Tetap : NO. 7 KAMPUNG KURNIA

35800 SLIM RIVER


PERAK DARUL RIDZUAN

ENCIK ATAN BIN HUSSEIN

(Nama Penyelia)

Tarikh : 28 SEPTEMBER 2001

Tarikh : 25.09.01



- CATATAN:**
- * Potong yang tidak berkenaan.
 - ** Jika tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT atau TERHAD.
 - ♦ Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana secara penyelidikan atau disertai bagi pengajian secara kerja kursus dan penyelidikan, atau Laporan Projek Sarjana Muda (PSM).

“ Saya / Kami* akui bahawa saya telah membaca karya ini dan pada pandangan saya / kami* karya ini adalah memadai dari segi skop dan kualiti untuk tujuan penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan (Teknikal)”.

Tandatangan :

Nama Penyelia :

Tarikh :


ATAN BIN HUSSIEN

25.09.01

PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH



PERSEPSI PENSYARAH KEJURUTERAAN TERHADAP KEBERKESANAN
PROGRAM PENDIDIKAN TEKNIK DAN VOKASIONAL BAGI MEMENUHI
KEPERLUAN PASARAN BURUH : PERBANDINGAN DI INSTITUSI AWAM
DAN SWASTA.

KHAIRUL ANUAR BIN ABDUL MANAP

Kajian ini dikemukakan
Sebagai memenuhi syarat penganugerahan
Ijazah Sarjana Pendidikan (Teknikal)

Jabatan Pendidikan Teknik Dan Vokasional
Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn

SEPTEMBER,2001



PTT AUTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

“ Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya”.

Tandatangan : 

Nama Penulis : KHAIRUL ANUAR BIN ABDUL MANAP

Tarikh : 14 SEPTEMBER 2001



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUN AMINAH



*Untuk arwah ayah, mak, yong sekeluarga, Kak Ngah, Abang Lang
sekeluarga, kakak dan Ayu yang sentiasa mendoakan kebahagiaan dan kesejahteraan
Ku.....*

PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

PENGHARGAAN

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih yang tidak terhingga kepada Encik Atan bin Hussein selaku pensyarah pembimbing di dalam kajian ini. Tidak lupa juga kepada Encik Amir selaku penilai kepada kajian yang saya lakukan ini.

Terima kasih juga kepada kesemua pensyarah di Fakulti Kejuruteraan dan KUIITHO dan juga pensyarah di MFI yang telah sudi membantu saya untuk melaksanakan kajian ini.

Akhir kata ucapan terima kasih kepada rakan-rakan seperjuangan yang membantu saya secara langsung atau tidak langsung sepanjang saya menjalankan kajian ini.

PTT AUTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH



ABSTRAK

Kajian ini adalah untuk meninjau persepsi pensyarah kejuruteraan terhadap keberkesanan Pendidikan Teknik dan Vokasional bagi memenuhi keperluan pasaran buruh. Perbandingan dan tinjauan dilihat pada institusi pengajian tinggi awam dan swasta.

Kajian ini dijalankan di Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn (KUiTTHO) dan Malaysian France Institute (MFI). Objektif kajian ini adalah untuk melihat persepsi pensyarah terhadap keberkesanan program Pendidikan Teknik Dan Vokasional (PTV) yang dijalankan di kedua-dua buah institusi tersebut. Ianya juga untuk mendapatkan persepsi pensyarah terhadap keberkesanan program PTV bagi memenuhi keperluan pasaran buruh, faktor-faktor yang mempengaruhi keberkesanan program PTV, sifat motivasi dan ketegasan diri serta langkah-langkah yang boleh dilakukan terhadap program PTV bagi mengurangkan masalah keperluan pasaran buruh.

Kaedah kajian adalah berdasarkan kepada borang kaji selidik yang diedarkan kepada 120 orang tenaga pengajar yang dianggap sebagai sampel kajian iaitu 60 orang di KUiTTHO dan 60 orang di MFI. Dapatan kajian mendapati program PTV yang dilaksanakan di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) mampu untuk memenuhi keperluan tenaga buruh mahir di sektor industri. Antara cadangan yang boleh dikemukakan untuk meningkatkan lagi keberkesanan program PTV untuk keperluan buruh mahir adalah dengan melanjutkan lagi tempoh masa latihan industri dan kemahiran para pelajarnya serta menjalinkan hubungan yang erat dengan pihak industri supaya dapat saling berganding bahu bagi menangani keperluan masing-masing.

ABSTRACT

This study is to observe engineering lecturer perception towards effectiveness of Technique Education and Vocational to fulfill labour market needs. Comparison and observation are seen in the institution of public and private high studies.

This study is implemented at Technology University College of Tun Hussein Onn (KUiTTHO) and Malaysian France of Institute (MFI). This study objective is to see lecturer perception towards effectiveness of Education program of Vocational And Technical (PTV) that is implemented in both of the institutions. It to find lecturer perception towards effectiveness of PTV program also to fulfill labour market needs, factors that influences effectiveness of PTV program, motivation characteristic and firmness of itself along with steps to reduce labour market necessity problem that can be carried out towards program of PTV.

Method of study is that be based to form examines to investigate the one who will is distributed to 120 teaching staff that is considered as study sample that is 60 persons at KUiTTHO and 60 persons at MFI. This study result said tahat this program of PTV can fulfill labour market needs and student of graduate engineering of able High Studies to fill labour market as skillful labor Institution.



PEPPUSTAKAAN TUN HUSSEIN ONN AMINAH

KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
	ABSTRAK.	i
	SENARAI JADUAL	viii
	SENARAI RAJAH.	x
	SENARAI SINGKATAN NAMA.	xii
BAB I	Pengenalan.	1
	1.1 Pendahuluan.	1
	1.2 Latar Belakang Masalah.	4
	1.3 Rasional Kajian.	6
	1.4 Pernyataan Masalah.	6
	1.5 Objektif Kajian.	8
	1.5.1 Objektif Umum.	8
	1.5.2 Objektif Khusus.	8
	1.6 Skop Kajian.	9
	1.7 Definisi Istilah.	9
BAB II	SOROTAN PENULIS	11
	2.1 Pendahuluan.	11

2.2	Sejarah Perkembangan Sistem Pendidikan Teknik Dan Vokasional (PTV) di Malaysia.	12
2.3	Peranan PTV Dalam Pembangunan Sumber. Manusia Di Malaysia.	15
2.4	Sistem PTV Di Malaysia.	17
2.5	Keperluan Tenaga Buruh.	20
2.5.1	Masalah Keperluan Tenaga Buruh.	21
2.6	Langkah-langkah mengatasi keperluan Tenaga Buruh.	23
2.6.1	Penyiasatan Tenaga Buruh.	24
2.6.2	Perkembangan Sistem Pendidikan.	25
2.6.2.1	Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA).	26
2.6.2.2	Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS).	27
2.7	Kajian-Kajian Terdahulu.	28
2.7.1	Kajian Pendidikan Dan Tenaga Buruh bagi Memenuhi Keperluan Tenaga Buruh Berpendidikan, 1980-2020.	28
2.7.2	Kajian Pengesanan Pelajar Lulusan Politeknik, Sekolah Teknik dan Vokasional.	30
BAB III METODOLOGI KAJIAN.		32
3.1	Pendahuluan.	32
3.2	Kawasan Kajian.	33
3.3	Populasi Dan Sampel.	33
3.4	Instrumentasi.	35
3.4.1	Bahagian A.	35
3.4.2	Bahagian B.	35
3.4.3	Bahagian C.	36
3.4.4	Bahagian D.	36
3.4.5	Bahagian E.	36
3.4.6	bahagian F.	36



3.5	Kesahan Dan Kebolehpercayaan.	37
3.6	Pengumpulan Data.	38
3.7	Analisis Data.	38

BAB IV ANALISIS DATA. 40

4.1	Pendahuluan.	40
4.2	Pengedaran Dan Pengumpulan Borang Soal Selidik.	40
4.3	Analisis Soal Selidik.	41
4.3.1	Analisis Biodata Responden.	41
4.3.1.1	Jantina Responden.	41
4.3.1.2	Umur Responden.	43
4.3.1.3	Pendapatan Bulanan.	44
4.3.1.4	Pengalaman Bekerja Sebagai Tenaga Pengajar.	46
4.3.1.5	Taraf Jawatan.	48
4.3.1.6	Taraf Pendidikan.	49
4.3.2	Analisis Persepsi Responden.	51
4.3.2.1	Persepsi responden terhadap Pelaksanaan program PTV di Institusi Terabit.	50
4.3.2.2	Persepsi responden terhadap Keberkesanan program PTV bagi Memenuhi keperluan pasaran buruh.	56
4.3.2.3	Persepsi Responden terhadap faktor-Faktor yang mempengaruhi keberkesanan Program PTV.	62
4.3.2.4	Persepsi responden terhadap personaliti Iaitu sifat ketegasan dan motivasi diri.	68
4.3.2.5	Persepsi responden terhadap langkah-	



Langkah yang boleh dilakukan terhadap Program PTV bagi mengurangkan masalah Keperluan pasaran buruh.	74
--	----

BAB V	KESIMPULAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN .	83
--------------	--	-----------

5.1	Pendahuluan.	83
5.2	Masalah Kajian.	83
5.3	Objektif Kajian.	84
5.4	Rumusan.	85
5.4.1	Ciri-ciri Responden.	85
5.4.2	Personaliti Responden.	86
	5.4.2.1 Sifat Motivasi Diri.	86
	5.4.2.2 Sifat Ketegasan Diri.	86
5.4.3	Persepsi terhadap pelaksanaan program Pendidikan Teknik dan Vokasional (PTV).	87
5.4.4	Persepsi terhadap keberkesanan program PTV bagi memenuhi keperluan pasaran buruh.	88
5.4.5	Persepsi terhadap faktor-faktor yang mempengaruhi keberkesanan pelaksanaan program PTV.	89
5.4.6	Persepsi terhadap langkah-langkah yang boleh dilakukan terhadap program PTV bagi mengurangkan masalah keperluan tenaga buruh.	90
5.5	Perbincangan	90
5.5.1	Perkaitan keberkesanan program Pendidikan Teknik dan Vokasional (PTV) dengan gaji.	91
5.5.2	Perkaitan keberkesanan program PTV dengan pengalaman bekerja.	92
5.5.3	Perkaitan keberkesanan program PTV dengan taraf pendidikan.	92



5.5.4	Perkaitan keberkesanan program PTV dengan Sikap.	93
6.0	Cadangan untuk kajian akan datang.	94

BIBLIOGRAFI**LAMPIRAN**

Borang Kaji Selidik



SENARAI JADUAL

NO JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
Jadual 3.1	Bilangan pensyarah Fakulti Kejuruteraan di KUiTTHO.	34
Jadual 3.2	Bilangan pensyarah Kejuruteraan di MFI.	34
Jadual 4.1	Taburan bilangan dan peratusan mengikut Jantina.	41
Jadual 4.2	Taburan bilangan dan peratusan mengikut umur.	43
Jadual 4.3	Taburan bilangan dan peratusan mengikut Pendapatan bulanan.	44
Jadual 4.4	Taburan bilangan dan peratusan mengikut Pengalaman Bekerja.	46
Jadual 4.5	Taburan bilangan dan peratusan mengikut taraf jawatan.	47
Jadual 4.6	Taburan bilangan dan peratusan mengikut taraf pendidikan.	49
Jadual 4.7	Taburan bilangan dan peratusan terhadap perlaksanaan program Pendidikan Teknik dan Vokasional (PTV).	51
Jadual 4.8	Taburan dan peratusan terhadap keberkesanan program PTV bagi memenuhi keperluan pasaran buruh.	56

Jadual 4.9	Taburan dan peratusan terhadap faktor-faktor Yang mempengaruhi keberkesanan pelaksanaan program PTV.	62
Jadual 4.10	Taburan dan peratusan responden terhadap personaliti iaitu sifat motivasi dan ketegasan diri.	68
Jadual 4.11	Taburan bilangan dan peratusan terhadap langkah-langkah yang boleh dilakukan terhadap program PTV bagi Mengurangkan masalah keperluan pasaran buruh.	74



SENARAI RAJAH

NO RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
Rajah 4.1	Taburan peratusan mengikut jantina.	42
Rajah 4.2	Taburan peratusan mengikut umur.	43
Rajah 4.3	Taburan peratusan mengikut pendapatan Bulanan.	45
Rajah 4.4	Taburan peratusan mengikut pengalaman Bekerja.	46
Rajah 4.5	Taburan peratusan mengikut taraf jawatan.	48
Rajah 4.6	Taburan peratusan mengikut taraf jawatan.	49
Rajah 4.7	Taburan peratusan responden di IPTA terhadap pelaksanaan program Pendidikan Teknik dan Vokasional (PTV).	53
Rajah 4.8	Taburan peratusan responden di IPTS terhadap pelaksanaan program Pendidikan Teknik dan Vokasional (PTV).	53

Rajah 4.9	Taburan peratusan responden di IPTA terhadap keberkesanan program PTV bagi memenuhi keperluan pasaran buruh.	58
Rajah 4.10	Taburan peratusan responden di IPTS terhadap keberkesanan program PTV bagi memenuhi keperluan pasaran buruh.	58
Rajah 4.11	Taburan peratusan responden di IPTA terhadap faktor -faktor yang mempengaruhi keberkesanan program PTV.	64
Rajah 4.12	Taburan peratusan responden di IPTS terhadap faktor -faktor yang mempengaruhi keberkesanan program PTV.	64
Rajah 4.13	Taburan Peratusan responden di IPTA terhadap sifat motivasi dan ketegasan diri.	70
Rajah 4.14	Taburan Peratusan responden di IPTS terhadap sifat motivasi dan ketegasan diri.	70
Rajah 4.15	Taburan peratusan responden di IPTA terhadap langkah-Langkah yang boleh dilakukan terhadap program PTV bagi mengurangkan keperluan pasaran buruh.	76
Rajah 4.16	Taburan peratusan responden di IPTA terhadap langkah-Langkah yang boleh dilakukan terhadap program PTV bagi mengurangkan keperluan pasaran buruh.	76
Rajah 4.17	Perbandingan peratusan "setuju" terhadap keseluruhan item antara responden di IPTA dan IPTS.	78
Rajah 4.18	Perbandingan peratusan "tidak pasti" terhadap keseluruhan item antara responden di IPTA dan IPTS.	79
Rajah 4.19	Perbandingan peratusan "tidak setuju" terhadap keseluruhan item antara responden di IPTA dan IPTS.	80



SENARAI SINGKATAN NAMA

PTV	-	Pendidikan Teknik dan Vokasional
MLVK	-	Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan
IPTA	-	Institusi Pengajian Tinggi Awam
IPTS	-	Institusi Pengajian Tinggi Swasta
KUITTHO	-	Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn
MFI	-	Malaysian France Institute
RRJP	-	Rangka Rancangan Jangka Panjang
KPM	-	Kementerian Pendidikan Malaysia
MARA	-	Majlis Amanah Rakyat
BTEC	-	British Technical Education Council
SPM	-	Sijil Pelajaran Malaysia
SPMV	-	Sijil Pelajaran Malaysia Vokasional
FDI	-	Pelaburan Langsung Asing
SKM	-	Sijil Kemahiran Malaysia



PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

BAB I

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Berdasarkan kepada pembentangan kertas kerja seminar Siti Maspiah Hassan dan Norsiah Salleh yang bertajuk ' Pendidikan Vokasional: Formal Dan Non-Formal Ke Arah Wawasan 2020 (1995)', sebelum negara mencapai kemerdekaan, sistem pendidikan negara tertakluk kepada sistem yang dibawa oleh British. Ini termasuklah dasar penyekatan dan dasar pecah dan perintah dalam pendidikan. Hanya menjelang beberapa tahun negara hendak mencapai kemerdekaan, barulah kita diberi peluang untuk mengubal satu dasar pendidikan yang bercorak kebangsaan di negara ini. Sejak dari itu sistem pendidikan di Malaysia telah mengalami perubahan demi perubahan. Dalam tempoh 13 tahun negara mencapai kemerdekaan pada tahun 1957, beberapa perubahan- perubahan besar dari aspek bahasa, pentadbiran, kurikulum dan pelaksanaan sistem pendidikan di negara ini telah dibuat. Ini selaras dengan senario ekonomi, sosial dan politik negara yang berkembang pada masa itu.

Langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan untuk membangunkan satu sistem pendidikan kebangsaan yang moden boleh dilihat menerusi pelaksanaan Akta-akta Pelajaran yang digubal dari semasa ke semasa berdasarkan laporan-laporan tertentu. Diantaranya ialah Laporan Razak (1956), Laporan Rahman Talib (1959), Laporan Khir Johari (1967) dan Laporan Murad (1972). Laporan-laporan inilah yang menjadi asas kepada perubahan-perubahan dalam sistem Pendidikan Kebangsaan yang ada pada dalam tempoh 1957 sehingga 1970an.

Di bawah Rancangan Malaysia Pertama (1966-1970), kerajaan telah cuba memajukan sistem pendidikan untuk mengalakkan perpaduan dan memperluaskan peluang pendidikan dengan lebih menyeluruh supaya dapat mengurangkan ketidakseimbangan antara bandar dan luar bandar. Di antara langkah yang diambil oleh kerajaan untuk memenuhi objektif Rancangan Malaysia Pertama itu ialah melalui pendidikan vokasional dan teknik. Ini kerana didapati pendidikan vokasional dan teknik dapat menyumbang kepada penyediaan tenaga kerja yang mahir dan seterusnya dapat membantu membangunkan sosial dan ekonomi negara.

Pada 1964, Bahagian Pendidikan Teknik di bawah Kementerian Pendidikan telah di bentuk bagi merancang serta melaksanakan program-program pendidikan vokasional dan teknik. Di peringkat Sekolah Menengah Rendah, mata pelajaran vokasional dan perdagangan telah mula diajar. Beberapa institusi pendidikan bercorak vokasional dan teknik telah ditubuhkan hasil dari Jawatankuasa Pendidikan Tinggi antaranya ialah Institut Teknologi Mara (1967), Kolej Tunku Abdul Rahman (1969), dan Politeknik Ungku Omar (1969).

Menurut Shahril Marzuki (1993) di dalam artikelnya yang bertajuk 'Pendidikan Malaysia : Arah Dan Cabaran', untuk memajukan pendidikan tinggi, kerajaan menerusi kementerian pendidikan telah menubuhkan satu jawatankuasa dikenali sebagai Jawatankuasa Perancangan Pelajaran Tinggi (1967) yang dipengerusikan oleh Tan Sri Khir Johari, Menteri Pendidikan pada masa itu. Laporan yang dihasilkan oleh jawatankuasa ini turut dikenali sebagai Laporan Khir Johari (1967). Jawatankuasa ini ditubuhkan untuk mengkaji keperluan tenaga kerja

ikhtisas dan separa ikhtisas serta bidang-bidang kursus latihan yang perlu diambil perhatian.

Bersandarkan kepada jurnal Yahaya Emat iaitu 'Cabaran Dan Strategi Pendidikan Teknik Dan Vokasional Ke Arah Mencapai Wawasan 2020', tujuan utama pendidikan teknik dan vokasional ialah untuk melahirkan tenaga kerja mahir dalam berbagai-bagai bidang pekerjaan. Tenaga mahir sangat diperlukan oleh negara untuk pembangunan. Dalam perancangan sistem pendidikan negara, keperluan untuk melahirkan tenaga mahir tidak diabaikan. Jawatankuasa Kabinet Mengkaji dasar Pelajaran Kebangsaan 1979, menyatakan bahawa sistem pendidikan di Malaysia tidak ketinggalan dalam memainkan peranan untuk melahirkan tenaga kerja mahir bagi memenuhi permintaan sektor pekerjaan.

Di Malaysia hari ini, pola perkembangan pendidikan menunjukkan bahawa pendidikan vokasional semakin dipandang penting oleh masyarakat. Semakin ramai ibu bapa menghantar anak-anak mereka ke sekolah vokasional daripada sekolah akademik sedangkan kerajaan pula sedang giat membina lebih banyak sekolah vokasional di tempat-tempat yang ditetapkan. Menurut artikel Yahaya Emat (Cabaran dan Strategi pembelajaran Ke arah mencapai wawasan 2020), dari segi bilangan, pada tahun 1989, terdapat 45 buah sekolah vokasional, dan pada tahun 1990 terdapat 57 buah. Adalah dijangkakan dalam beberapa tahun akan datang bilangan ini akan ditambahkan menjadi 65 buah kesemuanya.

Satu lagi faktor yang menyebabkan pendidikan teknik dan vokasional di anggap semakin penting adalah bersangkut paut dengan corak pembangunan ekonomi negara. Ekonomi negara telah berubah daripada yang mudah kepada perindustrian yang lebih kompleks dan pelbagai. Ia memerlukan lebih banyak kemahiran yang kompleks dan khusus kepada pekerjaanya. Latihan yang memberikan kemahiran untuk pekerjaan yang khusus adalah menerusi pendidikan yang bercorak teknik dan vokasional. Menerusi sistem pendidikan juga, sebarang pengubahsuaian dan latihan semula yang diperlukan boleh dijalankan.

Apabila kementerian disusun semula pada tahun 1996, pendidikan vokasional diletakkan dibawah pendidikan teknikal untuk meluaskan konsep dan penegeasan pentingnya aspek sains dan teknologi itu di dalam pendidikan. Namun demikian, pendidikan jenis vokasional masih diberi keutamaan dalam perkembangan sistem pendidikan semasa. Perkembangan itu dilihat daripada perspektif yang luas dan merangkumi aspek-aspek kuantiti dan kualiti. Matlamat yang ingin ditujui oleh pendidikan ini ialah untuk memberikan pendidikan yang lengkap untuk melahirkan seorang pekerja yang mahir dan berkebolehan di samping mempunyai nilai-nilai yang positif dan mampu mengubahsuaikan diri dengan perubahan persekitaran.

Untuk memperkembangkan lagi mutu pendidikan teknik dan vokasional, ianya telah diserapkan ke institusi-institusi pengajian tinggi seperti di IPTA dan juga di IPTS. Penubuhan institusi seperti ini terutamanya penubuhan banyak IPTS memberikan pandangan yang positif kepada sistem pendidikan negara terutamanya pendidikan teknik dan vokasional. Ini kerana kebanyakan sistem pendidikan yang terdapat di IPTS dan di IPTA kebanyakannya adalah lebih kepada pendidikan teknik dan vokasional yang menyediakan jurusan teknikal dan untuk penghasilan pekerja mahir dan berkebolehan.

1.2 Latar Belakang Masalah

Dewasa ini, perkembangan keperluan pasaran buruh sudah semakin meningkat sejajar dengan perkembangan dan kemajuan teknologi di negara ini. 'BHL Bank Economics Buletin', September hingga December 1994, m.s.1-3 menjelaskan bahawa unjuran keperluan sumber tenaga manusia hingga tahun 2020 itu telah menganggarkan bahawa negara kita akan mengalami kekurangan buruh sebanyak 6.2 juta dalam tempoh 15 tahun yang akan datang.

Memang tidak dapat dinafikan bahawa negara kita mempunyai sebilangan institusi-institusi latihan awam seperti sekolah vokasional, politeknik, institut kemahiran MARA dan pusat latihan industri. Tetapi bilangan graduan yang dihasilkan itu tidak mencukupi berbanding dengan permintaan buruh semasa yang semakin meningkat, yang berpunca daripada keperluan sektor awam dan swasta. Terdapat juga pendapat dan komen daripada pengusaha-pengusaha industri yang mengatakan kebanyakan siswazah yang baru mula bekerja tidak mengetahui atau memahami situasi kerja sebenar dan perlu diberi latihan bekerja terlebih dahulu. Pendapat dan sumbangan daripada pihak majikan, khasnya pengusaha perindustrian adalah perlu untuk memastikan kursus-kursus yang ditawarkan itu semasa, relevan, dan berkaitan dengan keperluan persekitaran industri.

Keperluan yang mendesak serta kekurangan buruh berkemahiran menyebabkan banyaknya tenaga buruh yang diimport dari negara asing untuk membantu sektor perindustrian negara. Ini menyebabkan kerajaan kerugian dari segi wang ringgit untuk membayar gaji pekerja, pengangkutan serta pertukaran pekerja yang kerap disebabkan kontrak dan permit kerja.

Pihak kerajaan terutamanya pihak kementerian pendidikan sememangnya telah memandang serius perkara ini. Disebabkan itu pihak kementerian telah menyediakan pelbagai kursus yang baru di institusi pengajian tinggi di samping menambah lagi bilangan pelajar terutamanya di dalam bidang kejuruteraan untuk menampung keperluan tenaga mahir yang semakin meningkat. Walaupun begitu, masih terdapat banyak lagi rungutan dari pihak pengurusan industri yang mengatakan kebanyakan graduan lepasan institusi pengajian tinggi kurang pengetahuan terhadap teknologi terkini serta kemahiran dalam pengurusan dan alam pekerjaan.

1.3 Rasional kajian

Matlamat kerajaan untuk meningkatkan permintaan pasaran buruh telah memberikan kesan positif kepada sistem pendidikan untuk menubuhkan lebih banyak institusi pengajian tinggi awam dan juga swasta. Dengan terdapatnya penubuhan pelbagai institusi dijangka akan mengurangkan keperluan kekurangan buruh dan juga pengambilan buruh asing. Untuk itu, tidak dapat dinafikan lagi bahawa penekanan ke atas sistem pendidikan yang terdapat di institusi pengajian tinggi amatlah penting untuk keberkesannya terhadap pasaran buruh. Begitupun, rasionalnya kepentingan di bidang sistem pendidikan ini tidak boleh dipertikaikan lagi di dalam membantu negara ke arah pencapaian matlamatnya.

Golongan tenaga pengajar adalah antara golongan terpenting yang dipertanggungjawabkan untuk merealisasikan impian dan matlamat negara untuk menjadi sebuah negara maju menjelang 2020. Pensyarah ataupun tenaga pengajar terutamanya yang tergolong di dalam bidang kejuruteraan seharusnya mempunyai matlamat dan objektif yang tersendiri serta pandangan untuk memastikan program pendidikan terutamanya Pendidikan Teknik dan Vokasional (PTV) untuk melahirkan buruh yang mahir tercapai dengan sempurna.

1.4 Penyataan Masalah

Kemahiran adalah merupakan satu pengukuran terpenting bagi seorang pelajar ataupun individu untuk menghadapi cabaran kerjaya di masa akan datang dan juga dari semasa ke semasa. Berdasarkan kepada itu, seorang pelajar ataupun pelatih yang tidak memiliki sebarang kemahiran yang dikehendaki iaitu yang bersesuaian dengan jurusan yang diambilnya, maka mereka akan menghadapi masalah dalam kerjaya mereka dan ianya juga akan menjadikan satu masalah yang berlarutan kepada organisasi ataupun pasaran buruh di tempat mereka.

Bersandarkan kepada satu artikel keluaran Berita Harian (16 Januari 2001) yang bertajuk 'Pembinaan Keupayaan ke arah Kecemerlangan'

memberitahu bahawa IPT bertanggungjawab memberi pendidikan dan latihan kepada pelajarnya supaya mereka boleh memasuki pasaran buruh kelak. Kebolehpasaran lulusan IPT bergantung kepada mereka mempunyai ilmu dan kemahiran, serta ciri-ciri tertentu yang dikehendaki oleh pihak majikan. Kefahaman yang baik mengenai keperluan majikan oleh IPT sedikit sebanyak menyumbang kepada kebolehpasaran lulusannya.

Berdasarkan kepada temubual terhadap seorang graduan Diploma Kejuruteraan Awam lepasan Politeknik Ungku Omar, Encik Zamhairi bin Maiden, beliau masih lagi diberikan latihan bekerja selama 3 bulan di Syarikat Pembinaan yang beliau duduki sekarang. Ianya bertujuan untuk memberikan pendedahan kepada beliau mengenai keadaan kerja sebenar dan juga untuk meningkatkan kemahirannya. Fenomena ini dikatakan sering berlaku di mana-mana syarikat atau firma swasta.

Persoalannya, adakah pendidikan teori ataupun amali yang telah dipelajari oleh pelajar tersebut masih lagi tidak memenuhi keperluan dan kehendak pasaran buruh? Adakah firma ataupun syarikat masih lagi meragui akan keupayaan pelajar di semua institusi pengajian tinggi? Adakah keberkesanan pendidikan teknik dan vokasional yang dijalankan di institusi-institusi terbabit masih lagi berada di tahap yang rendah?

Kajian yang akan dijalankan sebenarnya cuba untuk menjawab persoalan-persoalan di atas dan ianya amat diperlukan lebih-lebih lagi keadaan negara yang sedang menuju ke arah menjadi sebuah negara industri.



1.5 Objektif Kajian

1.5.1 Objektif Umum

Objektif umum kajian ini adalah untuk meninjau pandangan pensyarah kejuruteraan terhadap keberkesanan pendidikan teknik dan vokasional bagi memenuhi keperluan pasaran buruh. Ianya tertumpu kepada perbandingan di institusi pengajian tinggi awam dan juga swasta.

1.5.2 Objektif Khusus

1. Untuk mengetahui persepsi pensyarah terhadap program Pendidikan Teknik dan Vokasional yang dijalankan di KUiTTHO dan MFI.
2. Untuk mengetahui pandangan pensyarah di kedua-dua buah institusi terhadap keberkesanan program Pendidikan Teknik dan Vokasional bagi memenuhi keperluan pasaran buruh.
3. Untuk mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi keberkesanan pelaksanaan program pendidikan teknik dan vokasional.
4. Untuk menentukan persepsi pensyarah di kedua-dua buah institusi terhadap personaliti iaitu sifat ketegasan dan motivasi diri.
5. Untuk mengenalpasti langkah-langkah yang boleh dilakukan terhadap program pendidikan teknik dan vokasional bagi mengurangkan masalah keperluan tenaga buruh .

1.6 Skop Kajian

Kajian ini adalah merupakan satu tinjauan dan pandangan pensyarah bidang kejuruteraan terhadap keberkesanan pelaksanaan program pendidikan teknik dan vokasional di KUiTTHO sebagai Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan MFI sebagai Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) bagi memenuhi keperluan pasaran buruh. Pemilihan kedua-dua institusi ini difikirkan amat sesuai kerana kedua-dua institusi berada di bawah program pendidikan teknik dan vokasional dan menyediakan kursus kemahiran di bawah sistem Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan (MLVK).

Oleh yang demikian segala penemuan kajian boleh dijadikan panduan dan rujukan akan keberkesanan sistem pendidikan yang dijalankan di institusi terbabit.

1.7 Definisi Istilah

Pendidikan Teknik dan Vokasional – Adalah merupakan satu sistem pendidikan yang menjurus kearah latihan dan amali untuk sektor pekerjaan dengan bertujuan untuk mengeluarkan tenaga kerja yang mahir dan berkebolehan

Pasaran buruh – Adalah merupakan ruang sektor pekerjaan yang memerlukan kemahiran seperti perniagaan, pembinaan, perkilangan dan industri serta perdagangan.

Institusi Pengajian Tinggi Awam - Adalah merupakan institusi pengajian tinggi yang dinaungi oleh pihak kerajaan bagi "memenuhi suatu

keperluan sosial yang amat penting dalam bidang ilmu serta penyelidikan, pendidikan dan pelajaran tinggi" (A.R Zahari, 1997, m. 16).

Institusi Pengajian Tinggi Swasta – Adalah merupakan institusi pengajian tinggi yang dikelolakan oleh sektor swasta di mana penubuhan, pengurusan dan operasinya adalah tertakluk di bawah Akta Pendidikan 1996, Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996, Akta Majlis Pendidikan Tinggi Negara 1996, Akta Lembaga Akreditasi Negara 1996 dan Akta Perbadanan Pendidikan Tinggi Nasional 1997.

Tinjauan perbandingan – Adalah merupakan satu rumusan mengenai perbandingan dari segi pelaksanaan dan operasi sesuatu program.

Buruh – Adalah merupakan orang yang bekerja untuk mencari makan. Pekerja (Kamus Dewan Edisi Baru ; m.s. 178)

Kejuruteraan – kepandaian atau perbuatan dalam mereka atau membuat jentera seperti jambatan dan lain-lain. (Kamus Dewan Edisi Baru ; m.s. 508)

Kerja – kerja adalah aktiviti yang dilakukan oleh individu di organisasi tempat ia bekerja mengikut syarat dan persetujuan antara individu dengan majikan.

Pensyarah kejuruteraan – adalah merupakan tenaga pengajar yang mengajar bidang kejuruteraan seperti struktur, binaan bangunan, mekanikal, elektronik dan sebagainya.

BAB II

SOROTAN PENULIS

2.1 Pendahuluan

Malaysia di bawah kepimpinan Perdana Menteri Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad telah meletakkan matlamat negara untuk mencapai taraf sebagai sebuah negara maju pada tahun 2020. Perkara ini telah diwar-warkan oleh beliau dalam salah satu daripada kertas kerjanya yang bertajuk "Malaysia: Melangkah Ke Hadapan (Wawasan 2020)" yang telah dibentangkan dalam Mesyuarat Pertama Majlis Perniagaan Malaysia pada tahun 1991 yang lalu. Wawasan tersebut secara tidak langsung telah meletakkan sasaran negara untuk menjadikan perindustrian sebagai teras kepada pembangunan negara.

Berdasarkan kenyataan di atas, dapatlah kita lihat betapa pentingnya keperluan sumber manusia di mana ia dengan sendirinya merupakan cabaran yang besar kepada latihan teknik dan vokasional. Ini adalah selari dengan pandangan Siti dan Nor Azizah (1995), iaitu "Pendidikan vokasional semakin penting dalam era pembangunan ekonomi dan sosial negara. Di mana-mana negara yang sedang pesat membangun keperluan tenaga profesional dan separa profesional amat diperlukan bagi menentukan kesinambungan pembangunan negara. Mereka adalah teras pembangunan."

Pertumbuhan di dalam ekonomi dan industri Malaysia adalah bergantung kepada keupayaan kita untuk mempertahankan kadar produktiviti yang tinggi dan daya saingan di arena antarabangsa. Daya saingan dan produktiviti industri pula bergantung pula kepada adanya tenaga kerja yang berpendidikan, mahir dan dan bermotivasi tinggi. Rakyat adalah sumber utama kita. Tanpa ragu-ragu pada tahun-tahun 1990an dan seterusnya, Malaysia mestilah memberikan perhatian yang sepenuhnya kepada pembangunan sumber yang amat penting ini (Mahathir, 1991). Strategi pembangunan ini menegaskan penyesuaian sistem pendidikan untuk menghasilkan sumber tenaga yang diperlukan. Penegasan ini adalah jelas dinyatakan dalam pernyataan Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua sebagaimana berikut:

"Perhatian yang lebih akan diberi dalam memastikan sistem pendidikan selaras dengan perubahan permintaan dan pasaran buruh. Kawalan yang lebih rapi terhadap sistem pendidikan dan latihan serta usaha-usaha bagi memperbaiki lagi kurikulum akan dilaksanakan untuk memastikan kemahiran yang diajar adalah sesuai dengan keperluan industri."

2.2 Sejarah Perkembangan Sistem Pendidikan Teknik dan Vokasional (PTV) Di Malaysia

Detik awal kewujudan pendidikan awam bercorak vokasional di Malaysia ialah dengan penubuhannya Trade School (Sekolah Perdagangan) bagi tujuan pendidikan pertukangan pada tahun 1926 di Kuala Lumpur. Selepas Trade School ini mendapat sambutan yang baik, sekolah di kembangkan ke Ipoh pada 1930, Johor Bharu pada 1931 dan Pulau Pinang pada 1932 (Zakaria,1988). Sekolah ini pada asasnya mengajarkan asas pertukangan, baikpulih mesin, pendawaian elektrik dan pembinaan bangunan. Jangkamasa kursus yang ditawarkan pula adalah selama tiga tahun (Kementerian Pendidikan, 1975).

Walaupun Trade School ini memberikan pelajar latihan yang mencukupi sebagai seorang pekerja separa mahir tetapi lulusan sekolah ini tidak mendapat tempat dalam pasaran buruh. Khususnya dalam industri yang dikuasai kaum Cina. Kebanyakan lepasan sekolah ini akan bekerja dalam syarikat pemerintah atau syarikat-syarikat milik barat (Koh, 1967).

Semasa Perang Dunia Kedua, sistem persekolahan di Malaysia menghadapi zaman kegelapannya. Apabila perang tamat, pemerintah British mengubah Trade School kepada Junior Technical Trade School (Kementerian Pendidikan, 1975). Sistem sekolah baru ini memperkenalkan bahawa untuk memasuki sekolah ini pelajar perlu menamatkan sekurang-kurangnya Darjah Lima Sekolah Melayu dan Darjah Tujuh Sekolah Inggeris. Daripada sudut kursus yang dijalankan tidak banyak berlaku perubahan (Zakaria, 1988). Pada tahun 1956 selepas dicadangkan oleh Laporan Razak, Institut Teknik ditubuhkan bagi meneruskan sistem persekolahan ini. Sistem lama masih diteruskan (Kementerian Pendidikan, 1975).

Pada tahun 1960 pula, syarat kemasukkan ke Junior Technical Trade School telah ditingkatkan di mana pelajar diminta menamatkan pendidikan sekolah rendah selama 9 tahun terlebih dahulu (Kementerian Pendidikan 1975). Di samping itu juga beberapa sekolah tambahan untuk orang Melayu telah ditubuhkan. Sekolah ini diwujudkan di kawasan pedalaman. Sekolah ini pada asasnya mempunyai sistem dan menawarkan kursus yang hampir sama dengan Trade School (Kementerian Pendidikan, 1975). Oleh itu bolehlah dianggap bahawa ketiga jenis sekolah ini adalah asas kepada pendidikan vokasional negara. Namun kelainan sekolah ini adalah penambahan kursus pertanian seperti perladangan dan penternakan. Pada tahun 1959, bilangan sekolah ini yang dinamakan Sekolah Tambahan Pedalaman telah mencapai 14 buah sekolah. Jumlah pelajarnya pula mencecah 1200 orang (TAVED,1993).

Perkembangan sistem persekolahan ini menyebabkan pada awal tahun enam puluhan , pendidikan vokasional terbahagi kepada dua bentuk, iaitu;

- i. Sekolah Pendalaman Tambahan, untuk lepasan sekolah rendah.
- ii. Sekolah Menengah, untuk lepasan sekolah menengah rendah (selepas embilan tahun persekolahan), dan juga sebahagian lepasan Sekolah Pendalaman Tambahan.

Pada tahun 1960 (Laporan Rahman Talib), peperiksaan untuk memasuki sekolah menengah rendah telah dimansuhkan. Peperiksaan ini dikenali sebagai Peperiksaan Kemasukkan Sekolah Menengah Malaya (MSSEE- *Malayan Secondary School Entrance Examination*). Kesan pemansuhan ini adalah peningkatan permintaan persekolahan untuk anak-anak daripada ibu-bapa. Satu lagi kesan daripada pemansuhan ini adalah cadangan penambahan pendidikan teknik dan vokasional di peringkat menengah (Laporan Rahman Talib, 1960). Akhirnya pada 1965, pendidikan komprehensif diperkenalkan. Di mana semua pelajar akan mendapat pendidikan am dan diberikan juga penekanan vokasional perindustrian, perdagangan, pertanian atau sains rumah tangga (Kementerian Pendidikan, 1990).

Peningkatan pelajar dalam persekolahan menengah berlaku dengan cepat pada tahun enam puluhan. Ini telah membebaskan sistem persekolahan menengah. Justeru itu dalam Rancangan Malaysia Pertama suatu dasar yang cuba untuk mempersiapkan tenaga kerja telah digariskan. Di mana pelajar yang tamat persekolahan menengah akan menceburi dunia pekerjaan. Oleh itu pada tahun 1967, Sekolah Menengah Vokasional telah menggantikan 'Trade School' dan Sekolah Tambahan Pendalaman (Kem.Pendidikan, 1975).

Menurut sistem ini pelajar yang berjaya dalam peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran (SRP) bolehlah memohon memasuki Sekolah Vokasional. Pelajar ini akan mengambil peperiksaan Sijil Pelajaran Vokasional Malaysia (SPVM) pada akhir dua tahun pengajian mereka. Pendidikan vokasional ini berterusan sehinggalah pada tahun 1995. Di mana ia digabungkan dengan sekolah teknik dan

memakai nama Sekolah Teknik dan Vokasional.

Pada akhir tahun 1992, pendidikan teknik dan vokasional ini telah pun berkembang pesat. Di Semenanjung, Sabah dan Sarawak, terdapat hampir 70 buah sekolah teknik dan vokasional yang mampu menampung 46,980 orang. Walaupun jumlah ini amat jauh jika dibandingkan dengan negara-negara maju namun ia merupakan suatu permulaan yang dikira amat memberansangkan. (Berita Harian, Disember 1992).

2.3 Peranan PTV Dalam Pembangunan Sumber Manusia Di Malaysia

Perkembangan pertumbuhan ekonomi Malaysia yang telah berjaya mencatatkan kadar pertumbuhan yang tinggi sejak tahun 1988, iaitu melebihi 7.5 peratus setahun telah memberi kesan tolakan besar ke atas permintaan tenaga manusia khususnya terhadap tenaga kerja profesional, mahir dan separa mahir (Rahmah & Ishak, 1995). Ini sememangnya memberikan cabaran yang besar kepada sistem pendidikan negara terutamanya pendidikan teknik dan vokasional dalam membekalkan tenaga kerja yang berkebolehan serta mahir. Ini disokong oleh Rancangan Malaysia ke Enam (1991-1995) Fasa Pertama yang telah menempatkan pembangunan guna tenaga manusia sebagai penekanan utama dan dasar yang strategik untuk meningkatkan Malaysia sebagai sebuah negara perindustrian (Siti & Nor Azizah, 1995).

Memandangkan tumpuan pembangunan negara adalah lebih ke arah perindustrian dan pembuatan, maka adalah perlu bagi pendidikan teknik dan vokasional menyediakan suatu bentuk sistem pendidikan dan latihan yang seiring dengan keperluan industri serta pasaran semasa. Melahirkan sumber tenaga manusia yang berkebolehan, bermotivasi tinggi, cekap dan produktif adalah penting bagi meningkatkan kadar produktiviti negara. Isahak (1992) menegaskan bahawa tenaga manusia yang diperlukan di dalam masyarakat industri tentulah tenaga manusia yang cekap dan profesional, berfikiran terbuka untuk menerima dan

mengkaji maklumat dan ilmu serta dapat membuat penyesuaian dengan cepat.

Memandangkan aktiviti perindustrian pada masa hadapan adalah berteraskan teknologi tinggi dan teknologi maklumat, maka adalah perlu bagi pihak kerajaan atau swasta yang terlibat dengan pendidikan teknik and vokasional ini untuk membuat perancangan yang teliti dan komprehensif bagi mewujudkan suatu sistem pendidikan yang baik agar ia dapat mampu memenuhi keperluan negara. Pendapat ini turut dikongsi oleh Rahmah dan Ishak (1995), yang menyatakan bahawa:

"Walaupun sektor pendidikan dikatakan dapat membantu mengekalkan daya saing negara melalui peningkatan dalam tingkat dan kemahiran penduduk, namun sekiranya perkembangan sektor tersebut tidak selaras dengan keperluan perkembangan ekonomi semasa, maka peranan ini mungkin akan terjejas. Sekiranya perkembangan semasa menuntut kepada sebuah masyarakat yang berteknologi tinggi, maka trend pendidikan yang diwujudkan haruslah berupaya memenuhi tuntutan tersebut."

Jika melihat kepada objektif penubuhan sekolah teknik dan vokasional, maka, kita dapatlah memahami bahawa ianya bertujuan bagi melatih para pelajar untuk pekerjaan dan mendedahkan mereka kepada suasana kerja dari awal lagi. Pendidikan teknik dan vokasional juga berperanan sebagai sistem alternatif bagi menyediakan latihan pendidikan bercorak kemahiran pra vokasional dalam usaha untuk menyediakan mereka memenuhi permintaan pasaran pekerjaan pada masa hadapan. Siti dan Nor Azizah (1995), menggariskan beberapa objektif sekolah menengah teknik dan vokasional iaitu:

- a) Menyediakan pelajar dengan pengetahuan asas dan kemahiran bagi memenuhi keperluan sektor industri dan perdagangan.
- b) Membina tabiat bekerja dan sikap yang baik pada diri sendiri, khususnya sikap bertanggungjawab dan kesungguhan, supaya menjadi rakyat berguna

dan produktif.

c) Membina asas yang kukuh untuk melanjutkan pengajian dalam bidang teknik dan vokasional.

Berdasarkan objektif-objektif tersebut, kita dapat melihat akan kepentingan pendidikan teknik dan vokasional dalam berperanan melatih, seterusnya melahirkan golongan yang mempunyai pengetahuan, sikap dan kemahiran tinggi yang berupaya memenuhi keperluan guna tenaga manusia di negara kita ini.

2.4 Sistem PTV Di Malaysia

Sebagaimana yang telah kita ketahui bahawa pendidikan teknik dan vokasional di negara kita adalah dijalankan oleh pihak kerajaan dan swasta. Kerajaan melaksanakan program formal pendidikan teknik dan vokasional melalui agensi-agensinya iaitu Kementerian Pendidikan, Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Belia Dan Sukan, dan MARA. Kesemua agensi-agensi tersebut masing-masing mempunyai corak pendidikan dan latihan yang menjurus kepada melahirkan tenaga mahir dan separa mahir di bidang teknikal dan vokasional disamping pengetahuan teknologi. Agensi latihan swasta seperti Institut Teknologi Federal, Institut Teknologi Pekerja, TAFE (Seremban) dan juga Jayadiri Institute Of Technology yang menjalankan kursus dalam pelbagai peringkat untuk memenuhi keperluan mereka sendiri. Agensi latihan swasta menyediakan pelajar mereka menduduki peperiksaan atau ujian tempatan seperti yang dikelolakan oleh Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan (MLVK) dan agensi luar negeri yang berkaitan dengan bidang mereka seperti '*British Technical Education Council* (BTEC), '*City And Guilds*' (London) (Siti dan Nor Azizah, 1995).

Kementerian Pendidikan selaku agensi kerajaan yang utama dalam mengendalikan pendidikan teknik dan vokasional telah melakukan pelbagai usaha dalam mempertingkatkan lagi kualiti pendidikan bidang ini, infrastruktur, kelayakan pengajar dan sebagainya. Shahril (1993) menyatakan bahawa selain

menyediakan pendidikan vokasional dan teknikal di peringkat menengah atas, Kementerian Pendidikan juga telah mendirikan sebanyak tujuh buah politeknik yang menawarkan pelbagai kursus seperti kejuruteraan awam, elektrik, elektronik, jentera, kejuruteraan laut, perdagangan, komputer, pemrosesan maklumat, akauntasi dan pemasaran di peringkat sijil dan diploma bagi menyediakan tenaga kerja terlatih di peringkat separa iktisas. Ini menggambarkan akan usaha bersungguh-sungguh kerajaan dalam menyediakan prasarana yang mencukupi bagi membentuk suatu sistem pendidikan teknik dan vokasional yang sistematik, efisien dan mampu mengeluarkan produk menurut keperluan pasaran semasa.

Sebagaimana yang telah disebutkan sebelum ini bahawa Kementerian Pendidikan bertanggungjawab dalam mengendalikan pendidikan teknik dan vokasional pada peringkat menengah atas iaitu melalui Sekolah Menengah Teknik dan Sekolah Menengah Vokasional. Pilihan aliran antara akademik dan pendidikan teknik dan vokasional bermula di Tingkatan 4. Bagi aliran pendidikan teknik dan vokasional terdapat dua jenis aliran iaitu :

- a) Aliran pendidikan teknik
- b) Aliran vokasional

Menurut Shahril dan rakan-rakan (1993), aliran pendidikan teknik adalah bertujuan untuk menyediakan pelajar yang cenderung kepada bidang teknik di peringkat menengah atas bagi membolehkan mereka melanjutkan pelajaran ke peringkat tinggi dalam bidang teknik. Oleh itu, aliran teknik ini mengambil pelajar yang mempunyai latarbelakang matematik dan sains yang mantap untuk melayakkan mereka melanjutkan pengajian dalam kursus berkaitan di institusi pengajian tinggi. Pengambilan pelajar adalah berdasarkan pencapaian yang baik dalam keputusan PMR dan juga minat mereka dalam bidang teknik. Di bawah aliran ini pelajar juga boleh mengikuti mata pelajaran teknikal seperti lukisan teknik, lukisan jentera, Kejuruteraan Awam, Mekanikal, Elektrikal, Binaan Bangunan, ilmu Ukur, Perdagangan dan Pertanian sebagai tambahan kepada mata

pelajaran akademik. Pelajar-pelajar aliran ini adalah dikehendaki mengambil Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Aliran vokasional pula adalah bertujuan untuk melahirkan pelajar yang cenderung kepada bidang vokasional di peringkat pendidikan menengah atas di mana bidang kursus yang ditawarkan adalah bagi membolehkan pelajar mendapatkan pengetahuan asas vokasional dan kemahiran untuk membolehkan mereka mendapatkan pekerjaan sebagai tenaga mahir dan separuh mahir dalam sektor perindustrian, perdagangan dan pertanian (Shahril dan rakan-rakan, 1993). Di dalam aliran vokasional ini terdapat dua pilihan kursus yang ditawarkan iaitu:

- a) Aliran SPMV
- b) Aliran kemahiran

Kursus dua tahun SPMV ditawarkan kepada pelajar-pelajar yang lulus PMR yang memilih bidang vokasional. Di antara kursus yang ditawarkan ialah seperti Kejuruteraan atau ketukangan, Ekonomi Rumah tangga, Perdagangan dan Pertanian. Sukatan pelajaran akademik yang diajar dalam aliran ini adalah sama dengan yang terdapat di aliran akademik. Perbezaannya ialah daripada aspek terdapatnya tiga komponen mata pelajaran vokasional iaitu teknologi, amali dan lukisan yang berkaitan. Penggabungan di antara akademik dan vokasional ialah untuk memastikan lulusan sekolah vokasional mempunyai pengetahuan akademik serta kemahiran asas yang kukuh untuk membolehkan mereka menjadi kreatif, inovatif dan fleksibel kepada perubahan teknologi.

Pelajar aliran kemahiran adalah mereka yang biasanya lemah dalam PMR atau yang keciciran. Pelajar dalam aliran ini akan mengikuti latihan kemahiran untuk menduduki Peperiksaan Kemahiran Malaysia (SKM) iaitu Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan (MLVK) di peringkat asas di akhir tahun pertama dan di peringkat pertengahan di tahun kedua. Mereka akan mengikuti latihan dua tahun itu di sekolah-sekolah vokasional yang menawarkan kursus tersebut. Di dalam kursus

ini juga terdapat komponen "On Job Training" di mana mereka dikehendaki menjalani latihan bekerja di kilang atau industri yang berkaitan selama 3 bulan. Di sini mereka akan diberi peluang untuk mempraktik dan mengembangkan segala pengetahuan asas yang telah diperolehi di sekolah dalam situasi kerja yang sebenar bagi menyediakan mereka dengan ciri-ciri yang diperlukan oleh pihak majikan. Ini selaras dengan pernyataan berikut iaitu:

"Dalam pembangunan tenaga manusia, sektor swasta memainkan peranan yang paling utama. Tenaga kerja di sektor swasta perlu dilatih oleh pihak swasta sendiri dengan tujuan untuk menyediakan pekerja-pekerja dengan tugas yang sentiasa berubah (Mahathir, 1991).

Berdasarkan fakta-fakta di atas, dapatlah dilihat bahawa telah cuba diwujudkan suatu sistem pendidikan teknik dan vokasional yang baik bagi maksud pembangunan sumber manusia yang lebih menyeluruh iaitu di kalangan pelajar yang cemerlang, sederhana dan lemah di dalam bidang akademik mereka. Ini juga merupakan suatu usaha untuk meluaskan lagi corak pendidikan yang tidak semata-mata menekankan akademik atau umum tetapi turut mengambil kira pendidikan teknik dan vokasional di samping teknologi dalam melahirkan sumber tenaga manusia di bidang yang amat diperlukan negara sekarang ini.

2.5 Keperluan Tenaga Buruh

Dalam model-model ekonomi klasikal yang berputar pada buruh dan modal, Malaysia diklasifikasikan sebagai negara membangun yang berintensif buruh dengan kebaikan bandingan dalam penawaran tenaga buruh yang rendah upah. Sebenarnya, tarikan tenaga buruh yang rendah upah itu memang telah memberi pelbagai bentuk kemudahan untuk menggiatkan pembangunan ekonomi negara kita. Dengan penarikan buruh murah, kemasukan modal daripada pihak Pelaburan Langsung Asing (FDI) telah berlaku mulai lewat dekad 1960-an. Pihak Pelaburan Langsung Asing (FDI) telah mewujudkan peluang pekerjaan, mempercepatkan proses perindustrian, memudahkan usaha kepelbagaian asas ekonomi, menjayakan

usaha pengeksporan sektor pembuatan, dan memberi sumbangan kepada imbalan pembayaran negara kita. Dalam tempoh 25 tahun yang lepas, struktur ekonomi kita telah mengalami transformasi yang menakutkan, dan kadar pertumbuhan ekonomi Malaysia, adalah amat cepat, khususnya pada tujuh tahun yang lepas. Satu akibat utama kejayaan ekonomi itu ialah hal bahawa pembekalan buruh yang murah lagi banyak itu telah hampir haus. Kini pihak majikan mengadu berlaku kekurangan buruh.

Keregangan pasaran buruh selalu diukur melalui perbandingan bilangan penganggur berdaftar dengan jumlah tenaga buruh. Produk itu dianggap kadar pengangguran. Kadar pengangguran di Malaysia itu selalu berkadar songsang dengan kadar pertumbuhan ekonomi. Semasa ekonomi pulih dari kemelesetan tahun 1985-86, kadar pengangguran mula menurun. Dari kadar pengangguran 8.3% pada tahun 1986, ianya telah jatuh dengan cepat kepada 3.0% pada tahun 1993, dan dijangka menurun seterusnya kepada 2.8% pada 1994. Di Amerika Syarikat, kadar pengangguran sebanyak 6.25% telah dianggap sebagai guna tenaga penuh. Bagaimanapun, untuk membuat perbandingan yang bermakna, kita mesti mengambil kira perbezaan definisi, pengukuran dan struktur ekonomi di antara negara yang berlainan. Walau bagaimanapun, keadaan Malaysia sekarang, yang mengalami kadar pengangguran di bawah 3%, boleh dianggap sebagai hampir guna tenaga penuh.

2.5.1 Masalah Kekurangan Buruh

Berhubung dengan permintaan semasa, penawaran buruh di Malaysia nyata tidak mencukupi. Kekurangan itu wujud di semua sektor dan semua paras kemahiran. Buruh tidak mahir dan separuh mahir memang susah diperolehi dan dikekalkan pekerjaannya. Tetapi masalah kekurangan itu lebih serius lagi bagi buruh ketegori berkemahiran tinggi, khususnya di kalangan personel teknikal. Berdasarkan satu laporan, masalah kekurangan buruh di Malaysia lebih mengancamkan berbanding dengan masalah inflasi yang kian meningkat itu. Kesan

daripada kekurangan buruh, kadar upah naik dengan pesat dan secara berterusan, dan jauh lebih tinggi dari pertambahan produktiviti. Sebagai contoh, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri berkata kadar purata upah telah naik 10% pada 1994 manakala produktiviti hanya bertambah 2.2%

Masalah kekurangan buruh yang berpanjangan itu mengakibatkan daya saingan negara kita menurun. Seperti yang dikatakan awal tadi, wujudnya pembekalan buruh yang banyak dan murah itu merupakan lebihan bandingan yang utama bagi Malaysia, dan kejayaan dalam penggunaan lebihan itu menyokong perubahan asas dalam struktur dan pencapaian ekonomi kita. Pada kadar upah yang makin naik dan masalah kekurangan buruh bertambah, kita tidak akan berjaya dalam persaingan antarabangsa untuk menarik FDI. Negara-negara membangun lain seperti China dan Vietnam di rantau Asia Timur dengan kos upah yang lebih rendah telah mengurangkan lagi daya saingan kita dalam usaha menarik pelaburan jenis intensif buruh.

Kerajaan kita telah mula menyusun semula dasar dan insentif pelaburan untuk menarik lebih banyak FDI dalam bidang tambah nilai yang lebih tinggi. Akan tetapi usaha itu tidak begitu mudah. Kita akan menghadapi persaingan sengit daripada banyak negara maju yang mempunyai kemudahan prasarana yang lebih lengkap dan maju dari yang terdapat di negara kita. Tambahan lagi, korporat-korporat MNC akan mengambil masa untuk memahami penarikan yang terdapat pada Malaysia sebagai tempat untuk meletakkan pelaburan yang teknologi tinggi, pengeluaran intensif modal.

Sektor pembuatan telah menggantikan sektor pertanian sebagai sektor yang memperolehi paling banyak pendapatan eksport. Akan tetapi, kebanyakan barang-barang eksport pembuatan itu terdiri dari produk elektrik, elektronik dan tekstil yang amat tinggi kandungan buruh. Yang paling teruk terjejas dalam keadaan kekurangan buruh semasa ialah firma-firma pembuatan yang banyak menggunakan buruh, rendah nilai tambah, berorientasi eksport dan menjualkan outputnya di pasaran antarabangsa yang hangat persaingan. Marjin keuntungan firma-firma itu akan banyak dikurangkan oleh kos upah yang semakin meningkat. Firma-firma ini

mungkin masih dapat terus beroperasi dengan baik pada hari ini. Walau bagaimanapun, prospeknya pada jangka sederhana dan panjang tidak akan cerah jikalau mereka tidak berupaya untuk mengatasi masalah kekurangan buruh dengan cepat.

2.6 Langkah Mengatasi Kekurangan Tenaga Buruh.

Pada hakikatnya, proses pengubahsuaian sedang berlaku di kebanyakan sektor ekonomi. Sebilangan majikan telah memulakan usaha mencari jalan untuk meningkatkan produktiviti buruh, dan pada masa yang sama mengurangkan penggunaan buruh dalam operasi pengeluaran. Dalam sektor pembuatan, MNC yang berorientasikan eksport, khususnya industri elektronik dan elektrik, telah mendahului dalam usaha melatih dan meninggikan kemahiran tenaga buruh mereka. Selain daripada meninggikan kemahiran yang sedia dimiliki oleh pekerja, firma juga memperkenalkan latihan 'penciptaan kemahiran' - melatih pekerja-pekerja dalam kemahiran baru. Satu teknik yang biasa digunakan itu dikenali sebagai 'kepelbagaian kemahiran.' Tujuannya ialah melengkapi pekerja dengan beberapa kemahiran, demi membolehkan mereka menjalankan tugas dan fungsi yang berlainan.

Latihan dan pembangunan yang pesat terhadap tenaga buruh itu perlu melibatkan perbelanjaan yang banyak. Selain dari jumlah pembayaran upah yang meningkat, latihan dan pembangunan sumber manusia itu merupakan satu lagi komponen yang menyebabkan kenaikan dalam kos keseluruhan pengeluaran firma. Dalam keadaan hari ini, firma-firma besarlah yang sudah mulai membuat pengubahsuaian. Secara amnya, firma-firma kecil kurang minat untuk menambahkan kos tambahan untuk meninggikan taraf kemahiran pekerja mereka. Oleh yang demikian, apabila kekurangan buruh itu berterusan, produktiviti dan daya persaingan firma-firma kecil itulah yang akan terkikis secara perlahan-lahan.

Selain daripada usaha meninggikan kemahiran, kita dapati perubahan yang signifikan dalam penggunaan modal dan teknologi. Penyusunan dan barisan

pengeluaran di kilang-kilang sedang diatur semula dan paras teknologi ditingkatkan. Terdapat juga perubahan yang jelas dalam penggunaan dan intensiti buruh di kalangan projek-projek pelaburan yang baru. Keperluan buruh nampaknya semakin dikurangkan dalam projek-projek baru yang diluluskan oleh MIDA. Dengan kata lain, intensiti modal semakin meningkat dalam projek-projek itu. Pada tahun 1970, setiap juta ringgit pelaburan modal itu membawa keperluan buruh sebanyak 40 orang pekerja. Kadar itu telah jatuh kepada 14 orang pekerja pada 1989 dan 7 orang pekerja per sejuta ringgit pelaburan modal pada 1993. Data ini bermakna bahawa untuk menghasilkan jumlah gunatenggara yang sama, sekarang firma-firma menggunakan pelaburan modal yang lebih tinggi. Pelaburan itu terpaksa dibiayai oleh sumber kewangan dalaman atau pinjaman daripada institusi kewangan.

Selain dari peningkatan produktiviti dan pengurangan keperluan buruh melalui penggunaan teknologi lebih canggih, sebilangan firma-firma lain pula sedang mengurangkan aktiviti pengeluaran yang intensif buruh. Dalam perancangan pelaburan baru dan pengembangan aktiviti pengeluaran baru, setengah-setengah firma Malaysia telah memulakan kegiatan pengeluaran baru (yang memerlukan banyak buruh) di luar negeri. Terdapat beberapa buah kilang Malaysia yang telah dipindahkan secara keseluruhan ke negara lain. Justeru itu, beberapa bank perdagangan Malaysia telah mengikut pelanggan mereka (pengusaha kilang) ke luar negeri dan menubuhkan pejabat cawangan, pejabat perwakilan atau usaha sama di negara-negara yang berkenaan.

2.6.1 Penyasatan Tenaga Buruh

Jabatan Perangkaan Malaysia akan menjalankan Penyasatan Tenaga Buruh pada tahun 2001. Penyasatan ini dilaksanakan dalam empat pusingan bermula dari bulan Mac hingga bulan Disember 2001. Pusingan pertama akan bermula pada 11 Mac hingga 14 April 2001, pusingan kedua pada 3 Jun hingga 7 Julai 2001, pusingan ketiga pada 26 Ogos hingga 29 September 2001 dan pusingan keempat

BIBLIOGRAFI

Abdullah bin Othman, "Penubuhan Sekolah-sekolah dan Institusi-institusi Pendidikan Swasta Masa Kini : Jenis, Perundangan dan Dasar" Kertas Kerja yang dikemukakan pada Unit Perhubungan dan Pendaftaran, Jabatan Pendidikan Negeri di IAB, 1988.

Bahagian Pendaftaran Sekolah-sekolah dan Guru-guru, Kementerian Pendidikan, kertas; "Establishment of A Private School or Educational Institut in Malaysia" some General Information.

Bunn, P.C and Stewart, D.L (1999), "Perceptions of Technical Committee Members Regarding The Adoption of Skills Standards in Vocational Education Programs". Journal of Vocational and Technical Education, 14, 2-7.

Ceriello, V.R and Freeman. C (1991), Human Resource Management Systems - Strategies, Tactics, and Techniques: Lexington Books, An Imprint of Macmillan, Inc. New York, United State.

Doolittle, P.E and Camp, W.G (1999). "Constructivism: The Career and Technical Education Perspective." Journal of Vocational and Technical Education, 16, 1-15.

Dressier, G (1991). Personnel I Human Resource Management: Prentice - Hall. Englewood Cliffs, New Jersey.

Frantz, Jr.N.R (1997). "The Identification of National Trends and Issues For Workplace Preparation and Their Implications For Vocational Teacher Education." Journal of Vocational and Technical Education, 14, 1-10.

Kementerian Pendidikan Malaysia (1984), "Laporan Jawatankuasa kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran", Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kerajaan Malaysia (1986), "Rancangan Malaysia Kelima 1986-1990", Kuala Lumpur, Percetakan Negara.



PT TAAUTHM
PUSAT TINDAKAN DAN PENYELIDIKAN TUN AMINAH

Kerajaan Malaysia (1991). "Rancangan Malaysia Keenam 1991-1995, Kuala Lumpur, Percetakan Negara.

Lee Meow Fatt, "Private Educational Institution. Their Regulation in Full Filling National Mission and Vision ". Kandungan ceramah Anjuran Persatuan Mahasiswa UKM di UKM, Bangi pada 2 Ogos 1992.

Mok Soon Sang (1996). "Pendidikan Di Malaysia " Kumpulan Budiman Sdn Bhd, Kuala Lumpur

Percival, F and Ellington, H- Penterjemah, Noran Fauziah Yaacob (1994). Buku Panduan Teknologi Pendidikan: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.

Prof Madya Hj Shahril bin Hj A.Karim "Pendidikan swasta menjelang wawasan 2020", Kertas dibentangkan di Seminar Nasional ke-2 Pengurusan Pendidikan, di IAB pada 26-28 Nov 1992.

Prof. Isahak Haron "Aliran Perkembangan Pendidikan Pembentukan Malaysia sebagai Negara Industri dalam Abad ke 21", Kertas Pidato Umum, Aminuddin Baki kali ke-4, Anjuran IAB, Kementerian Pendidikan di UPM, 4 Januari 1992.

Robins, S.P (1988). Management, Concepts and applications: Prentice - Hall, Englewood Cliffs, New Jersey, United States.

Shahril Marzuki (1993) "Pendidikan Di Malaysia", Kuala Lumpur, Utusan Publication & Distributors.

Zainal Ghani (1988), "Student Mobility:Linked Programmes, A Malaysian Case Study" Pulau Pinang, Universiti Sains Malaysia.

Zirkle, C. (1999). "Perceptions of Vocational Educators and Human Resource/Training and Development Professionals Regarding Skill Dimensions of School-to-Work Transition Programs". Journal of Vocational and Technical



PTTAUTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH